



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(41)

Tarikh : 14 Januari 2013

SIARAN MEDIA

PROJEK TERBENGKALAI TAMAN SRI BEMBAN BERJAYA DIPULIHKAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

BATU GAJAH, 14 Januari 2013 - Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.Bhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak merasmikan majlis penyerahan kunci projek terbengkalai Taman Sri Bemban pada pagi ini. Projek pemulihan Taman Sri Bemban ini berjaya dipulihkan dengan peruntukkan sebanyak RM5.3 juta dari Kerajaan dalam masa 10 bulan (29 Februari 2012 sehingga 29 Disember 2012) oleh kontraktor penyelamat Trans Eco Development Sdn. Bhd dan pelikuidasi Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. Projek pemulihan yang berjaya disiapkan ini merangkumi 30 buah rumah teres satu tingkat dan 25 buah rumah teres dua tingkat telah diberikan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 6 Disember 2012.

Projek ini asalnya adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh Syarikat Uniservice (M) Sdn. Bhd. di atas tanah milik Uniservice (M) Sdn. Bhd pada tahun 1998. Projek ini sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2000. Kegagalan aliran tunai dan masalah kewangan menyebabkan projek terhenti. Projek ini telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 31 Disember 2002. Pada 4 November 2010, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan Rimbun

Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka di kalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan. Seterusnya, Trans Eco Development Sdn. Bhd. telah berjaya dilantik sebagai kontraktor penyelamat pada 23 Februari 2012. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah, Pegawai Kanan KPKT, Pegawai Kanan SUK Perak, Eksekutif kanan Trans Eco Development Sdn. Bhd, Eksekutif kanan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd dan pembeli rumah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mai : pro@kpkt.gov.my